



PRUDENTIAL

Inilah Rupanya Kasih Sayang.

PRUMy Child Plus

Satu penyelesaian yang melindungi ibu dan bayi seawal 13 minggu kehamilan.

Insurans Perlindungan

Mendengar. Memahami. Melaksana.



PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (lajari www.pidm.gov.my).

Prudential Assurance Malaysia Berhad
198301012262 (107655-U)
Ahli PIDM

KAMI MENGIRINGI SETIAP PERJALANAN ANDA SEBAGAI IBU



PRUMy Child Plus
Perlindungan seawal
13 minggu kehamilan.



Menjaga Kesejahteraan Ibu

Bakal ibu sering mengalami perubahan fizikal dan emosi semasa kehamilan. Jadi, kami ingin memastikan kesejahteraan mental ibu mengandung dijaga dengan baik.



Memberi Sokongan semasa Proses Bersalin

Ibu-ibu yang mengandung boleh menanti saat-saat bersalin dengan ketenangan minda apabila mereka telah membuat persediaan untuk bersalin terlebih dahulu atau mendapatkan sokongan semasa kehamilan. Pelan kami kini meliputi Komplikasi Kehamilan, Pembedahan Caesarean Kecemasan bagi Persalinan Awal, dan penjagaan perubatan yang luas bagi bayi pramatang.



Perlindungan pranatal holistik untuk Bayi

Pelan kami juga menawarkan perlindungan untuk bayi anda jika dia dimasukkan ke hospital akibat 27 Keadaan Kongenital, SEMUA Struktur Kongenital, Jaundis Neonatal yang memerlukan Rawatan Fototerapi dan banyak lagi.

Di samping itu, pelan ini memastikan bayi anda dilindungi sehingga dia mencapai umur 7 tahun dengan perlindungan tahunan untuk Autisme, Gangguan Hiperaktif Defisit Perhatian (ADHD) dan sokongan sewaktu membesar.

PRU**My Child Plus**

memberi perlindungan kepada anak anda sehingga umur 100 tahun dengan:



Perlindungan Sepanjang Hayat

Dengan Sum Assured Booster, jumlah diinsuranskan anak anda akan meningkat sebanyak 1% setiap tahun, sehingga 50% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas, memastikan liputan dan perlindungan yang berterusan, dibayar apabila berlakunya kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD).



Perlindungan Kemalangan

Kami memberi perlindungan kemalangan kepada anda dan anak anda jika berlaku kejadian yang tidak diingini.



Perlindungan yang tinggi dan menyeluruh untuk anak anda.

Perlindungan Penyakit Kritis (CI)
Lindungilah anak anda sekarang dengan Perlindungan CI Kanak-kanak dan 160 CI dari peringkat awal hingga akhir.



Perlindungan Manfaat Payor

Kami akan menanggung premium anda sekiranya anak anda, pasangan anda atau diri anda mengalami sebarang kemalangan.



Easy And Simple Enrolment (EASE)

Kini anda boleh melindungi kehamilan yang seterusnya dengan mudah (untuk pelanggan sedia ada) tanpa melalui proses pengunderitan penuh.

Tertakluk pada terma dan syarat.



Simpanan untuk Dana Pendidikan

Mula menyimpan untuk dana pendidikan anak anda seawal peringkat bayi.

Mom and Baby Care - Jadual Manfaat

PELAN ELITE

Manfaat Penjagaan Ibu		+ Manfaat Penjagaan Anak	
Komplikasi Kehamilan sehingga 60 hari dari kelahiran	RM8,000 Tambah RM2,000 jika disertai oleh Kencing Manis ketika Kehamilan	Kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) / Unit Pergantungan Tinggi (HDU) dalam tahun pertama dari kelahiran	RM800 sehari (maksimum 60 hari)
Pembedahan Caesarean Kecemasan bagi Persalinan Awal sebelum 36 minggu kehamilan	RM8,000	Inkubasi Anak Baru Lahir dalam 60 hari dari kelahiran	RM300 sehari
Kanser Kehamilan sehingga 60 hari dari kelahiran	RM8,000	Keadaan Kongenital sehingga anak mencapai umur 7 tahun	Membayar balik tuntutan hospital sehingga RM50,000 setahun (melindungi 27 Keadaan Kongenital & SEMUA Struktur Kongenital)
Kesihatan Mental sehingga tahun pertama dari kelahiran	RM8,000	Gangguan Perkembangan Kanak-kanak sehingga anak mencapai umur 7 tahun	Membayar balik tuntutan rawatan perubatan dan terapi sokongan sehingga RM8,000 setahun
Penyakit Berjangkit sehingga 60 hari dari kelahiran	RM2,000	Jaundis Neonatal memerlukan Rawatan Fototerapi dalam 60 hari dari kelahiran	RM2,000
Kematian Janin	RM8,000	Kematian Anak sehingga tahun pertama dari kelahiran	RM8,000
Kematian Ibu sehingga 60 hari dari kelahiran	RM50,000 Tambah RM50,000 jika kematian akibat kemalangan	Penyakit Berjangkit sehingga anak mencapai umur 7 tahun	RM2,000
		I Am 5 apabila anak mencapai umur 5 tahun	RM1,000

Terdapat juga 2 pelan lain (Prime dan Essential) yang tersedia ada untuk Mom and Baby Care.

Sila hubungi Perancang Kekayaan Prudential anda untuk maklumat lanjut.

PRU**My Child Plus** terdiri daripada manfaat yang boleh dibeli secara berasingan dan anda tidak diwajibkan untuk memilih semua manfaat dalam penyelesaian ini.

Struktur Kongenital ialah kecacatan kelahiran yang mempengaruhi pertumbuhan fizikal yang normal bagi anggota-anggota badan atau organ-organ.

Contoh-contoh termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- **Sumbing Bibir;**
- **Anggota tidak normal** (contoh: Kaki Bengkok);
- **Kecacatan jantung** (contoh: Kecacatan Septum Atrium/Ventrikular, Arteriosus Duktus Paten);
- **Kecacatan gastrousus** (contoh: Atresia Esofagus, Hernia Diafragmatik, Stenosis Pilorik).

Kami tidak melindungi kecacatan kelahiran fungsi (selain daripada Keadaan Kongenital yang dinyatakan di atas) yang berkaitan dengan masalah bagaimana sistem badan berfungsi. Contoh-contoh termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- **Sistem saraf dan masalah-masalah otak** (contoh: ketidakupayaan pembelajaran, ketidakupayaan intelek, gangguan-gangguan tingkah laku);
- **Gangguan-gangguan sistem imunisasi** di mana sistem imunisasi kanak-kanak tidak berfungsi dengan betul (contoh: penyakit-penyakit autoimun);
- **Gangguan-gangguan perkembangan neuro** di mana pertumbuhan kanak-kanak adalah secara normal tetapi mula menghilangi fungsi dan kemahiran-kemahiran yang telah diperoleh sebelumnya secara tiba-tiba (contoh: Sindrom Rett, Distrofi Otot);
- **Gangguan-gangguan metabolik** (contoh: Fenilketonuria, Diabetes Jenis 1).

Nota Penting Dan Penafian

1. PRUMy Child Plus adalah penyelesaian yang ditawarkan oleh produk kami, PRUWith You Plus sebagai pelan asasnya, iaitu pelan berkaitan pelaburan dan diunderit oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
2. Sebarang rujukan umur adalah berdasarkan umur dicapai kecuali dinyatakan. Pembelian insurans hayat adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan anda mampu membayar amaun premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk berbuat demikian, kami menyarankan anda supaya berbincang dengan Perancang Kekayaan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diberikan. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut. Kadar caj insurans untuk rider Insurans Perubatan dan Kesihatan ditunjukkan di laman web Prudential.
3. Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas penyelesaian dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk PRUWith You Plus, Ilustrasi Produk dan Lembaran Fakta Dana (jika ada) sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk ciri-ciri penting, manfaat, pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi.
4. Produk ini didatangkan dengan Perlanjutan Tempoh Perlindungan untuk melanjutkan tempoh pelan asas sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun. Bagi rider(-rider), jika berkenaan, tempoh rider akan dilanjutkan sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun atau tempoh perlindungan maksimum bagi rider, mana-mana yang lebih awal. Melainkan anda memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan, polisi anda akan dilanjutkan secara automatik selagi ia mempunyai nilai unit-unit yang mencukupi untuk menolak bayaran caj-caj, yuran-yuran dan cukai-cukai yang berkaitan semasa tempoh yang dilanjutkan. Untuk memastikan nilai unit-unit yang mencukupi, premium tambahan mungkin diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan. Semasa tempoh perlindungan yang dilanjutkan, perlindungan daripada pelan asas dan rider(-rider) (jika berkenaan) akan tetap sama.
5. Anda boleh memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan selepas polisi anda dikeluarkan, ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh polisi asal. Sebarang permintaan berikutnya untuk memohon semula Perlanjutan Tempoh Perlindungan adalah tertakluk kepada pengunderitan.
6. Andaikan seorang perempuan, berumur 29 tahun, bukan perokok, kelas pekerjaan 1 membeli polisi PRUMy Child Plus dengan Jumlah Diinsuranskan Asas RM100,000, Mom and Baby Care (Pelan Elite), Essential Child Plus RM50,000, Total Multi Crisis Care RM100,000, Acci Guard Plus RM100,000, Acci Med Plus RM5,000, PRUMillion Med Active R&B RM200 dengan Deduktibel RM500, Active Booster, PRUSaver Kid (umur pembayaran 18 tahun pada hari jadi akan datang (ANB) premium RM35, Payor Basic, Payor Saver, Parent Payor Basic dan Parent Payor Saver, tempoh polisi sehingga umur ANB 80 dengan lanjutan automatik, 100% dana terurus, dengan pembayaran premium bulanan melalui kad kredit, anggaran jumlah premium yang harus dibayar apabila tiada tuntutan dibuat dan diluluskan:

Jumlah premium yang harus dibayar berdasarkan tempoh perlindungan sehingga ANB 80	Untuk meningkatkan kemampunan polisi anda sehingga umur 100 tahun	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM336.00 bulanan daripada umur 0 hingga umur 78	<p>Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan.</p> <p>Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM78.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 0 sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p><u>Jumlah premium yang harus dibayar:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • RM414.00 bulanan daripada umur 0 hingga umur 99. 	<p>Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan.</p> <p>Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM2,160.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 79 tahun sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p><u>Jumlah premium yang perlu dibayar:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • RM336.00 bulanan daripada umur 0 hingga umur 78. • RM2,496.00 bulanan daripada umur 79 hingga umur 99.

Nota-nota:

- Premium adalah tidak terjamin dan mungkin berubah pada masa akan datang bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar, pembayaran premium, manfaat-manfaat polisi dan caj-caj (termasuk sebarang semakan semula caj insurans). Anda boleh merujuk kepada penyata tahunan untuk amaun Tokokan Premium Berkala yang dicadangkan, yang dikemas kini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampunan polisi sehingga tempoh yang dilanjutkan (berdasarkan Alternatif 1 di atas), dan boleh mempertimbangkan untuk membuat tokokan premium anda dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampunan polisi anda. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Perlanjutan Tempoh Perlindungan jika terdapat sebarang premium tambahan yang diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan.
 - Jika polisi anda dilampirkan dengan rider payor, anda mungkin perlu meningkatkan jumlah diinsuranskan untuk rider payor disebabkan peningkatan premium (tidak termasuk sebarang tambahan premium sementara) untuk menampung tempoh yang dilanjutkan (tertakluk kepada pengunderitan) atau sebarang semakan semula caj insurans. Jika polisi anda di bawah status tuntutan payor dan peningkatan premium diperlukan, anda mungkin perlu membayar amaun premium tambahan yang tidak dilindungi oleh syarikat untuk meningkatkan kemampunan polisi anda.
 - Umur yang dinyatakan dalam jadual di atas merujuk kepada umur Hayat Yang Diinsuranskan pada Ulang Tahun Polisi.
 - Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk maklumat selanjutnya.
7. PRUWith You Plus dan rider-ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
 8. Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
 9. Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan diguna pakai.

Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U)

Tingkat 20, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2771 0228, 03-2116 0228

E-mel: customer.mys@prudential.com.my

Laman web: www.prudential.com.my

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR,
DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.